

04 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Mahathir)

SAYA SERAH KENYATAAN BERSUMPAAH KEPADA PERDANA MENTERI, KATA SAKSI

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberikan salinan asal kenyataan bersumpah oleh Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar berhubung dengan penarikan dakwaan salahlaku seksual terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Pengarah Cawangan Khas, Mohamed Said Awang memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau menyerahkan kenyataan bersumpah itu bersama sepucuk surat kepada Perdana Menteri apabila menemui Dr Mahathir atas kemahuannya sendiri di pejabat Perdana Menteri pada 5.30 petang pada 20 Ogos tahun lalu.

Beliau memberi keterangan pada perbicaraan Anwar, 51, yang menghadapi empat tuduhan melakukan amalan rasuah dengan menggunakan kedudukannya untuk mencampuri siasatan polis.

Kenyataan bersumpah oleh Ummi Hafilda dan Azizan Abu Bakar, bekas pemandu peribadi Anwar dikemukakan kepada mahkamah untuk identifikasi hari ini.

Ketika ditanya oleh Datuk Abdul Gani Patail sama ada Perdana Menteri membacakan surat-surat itu, Mohd Said menjawab, "Tidak di hadapan saya".

Mohd Said berkata jika tidak tersilap, beliau menyerahkan surat bertajuk "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri," kepada Dr Mahathir bersama kenyataan-kenyataan bersumpah itu.

Mohd Said berkata beliau kemudian ke kediaman Anwar pada pukul 10 malam hari yang sama tetapi tidak pasti sama ada atas kemahuannya sendiri tetapi beliau pergi bersama timbalannya Datuk Amir Junus.

Katanya, beliau menemui Anwar dan memberitahunya bahawa beliau telahpun menghantar surat-surat itu kepada Perdana Menteri.

Ketika ditanya mengenai reaksi Anwar apabila memberitahunya bahawa surat-surat itu diserahkan kepada Perdana Menteri, Mohd Said berkata beliau tidak mengingatinya.

Katanya, beliau memberitahu Anwar bahawa beliau menyerahkan surat-surat itu kepada Dr Mahathir kerana berpendapat Perdana Menteri harus dimaklumkan tentang perkara itu.

Kemudian semasa pemeriksaan balas oleh peguambela Christopher Fernando, Mohd Said memberitahu mahkamah bahawa beliau mungkin memberitahu Anwar bahawa beliau tidak mempercayai dakwaan-dakwaan terhadap bekas Menteri Kewangan itu.

Mohd Said bersetuju bahawa berdasarkan perkara itu, Anwar meminta beliau menjalankan siasatan lanjut.

Beliau berkata Anwar memberitahunya supaya menjalankan siasatan terperinci tentang dakwaan dan sebagai pegawai polis yang berpengalaman, siasatan membabitkan semua aspek.

Perbicaraan ditangguhkan pada 4.06 petang tetapi Anwar meninggalkan mahkamah 30 minit kemudian selepas berbincang dengan peguambelanya.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA
NHD SBB FAZ